

Ilmu mempertahankan diri elak jadi mangsa

Beberapa kes penculikan, jenayah seksual, pemerdagangan manusia dan penderaan terhadap kanak-kanak yang dilaporkan menimbulkan kebimbangan dalam kalangan ibu bapa. Kanak-kanak yang tidak berdosa sering menjadi mangsa terhadap kerakusan golongan yang tidak berperikemanusiaan ini.

Anak adalah amanah yang perlu dijaga dengan sebaik mungkin. Setiap anak yang dilahirkan umpama sehelai kain putih yang menunggu saat untuk dicorakkan ibu bapa mereka. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Setiap anak kecil dilahirkan dalam keadaan fitrah." (Hadis riwayat Al-Bukhari dan Muslim).

Mengikut statistik Bukit Aman, terdapat 4,998 kes individu yang dilaporkan hilang pada tahun 2013 dan 2,382 berjaya ditemui semula. Sebanyak 45 peratus daripada kes orang



Mempelajari seni mempertahankan diri dapat **memberi ketangkasan mental dan fizikal** untuk bertindak.

[FOTO HIASAN]

hilang membabitkan remaja dan kanak-kanak berusia 18 tahun ke bawah. Oleh itu, pentingnya pengawasan ibu bapa bagi mengelakkan anak mereka menjadi mangsa penculikan kerana sesungguhnya

malang tidak berbau.

Justeru, perlunya anak pada zaman ini mempunyai ilmu pertahanan diri bagi mengelakkan mereka menjadi mangsa jenayah. Terdapat pelbagai seni mempertahankan diri

yang boleh dipelajari kanak-kanak contohnya taekwondo, wushu, karate dan silat. Ia sangat membantu lebih-lebih lagi apabila seseorang kanak-kanak itu berhadapan situasi tidak diingini.

Dengan mempelajari seni mempertahankan diri dapat memberi ketangkasan mental dan fizikal kepada mereka untuk bertindak.

Semua pihak perlu memandang serius masalah membabitkan golongan kanak-kanak kerana mereka adalah aset negara yang menjadi tonggak pembangunan negara pada masa hadapan. Sebagai rakyat Malaysia, hendaklah kita berganding bahu mencari penyelesaian bagi mengurangkan masalah jenayah membabitkan kanak-kanak.

**Wan Hanis Lyana
Wan Zahari,**

Universiti Sains Islam Malaysia.